

1. **Visual bunting hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan**, dan tidak menimbulkan sensitiviti masyarakat tempatan. Sekiranya Bahasa Kebangsaan digunakan dengan apa-apa Bahasa lain dalam sesuatu iklan, **saiz perkataan dalam Bahasa lain tidak boleh melebihi saiz Bahasa Kebangsaan**.
2. **Tulisan Jawi diwajibkan** dan **saiz hendaklah berukuran sama atau lebih besar** daripada perkataan dalam Bahasa Kebangsaan yang digunakan. Tulisan Jawi hendaklah diletakkan dibahagian atas perkataan utama. Perkataan dalam Bahasa lain hendaklah diletakkan dibawah perkataan Bahasa Kebangsaan. Khat Tulisan Jawi yang dibenarkan ialah jenis ***Uthman Taha, Sakkal Majalla, dan Arabic Style***.
3. Slogan "Sayangi Kuantan" dan maklumat syarikat mencetak bunting dibahagian bawah.
4. Permohonan permit bunting boleh dilakukan dengan melengkapkan Borang BL2 (Borang Permohonan Permit Perniagaan(Komposit) dan pemohon dikehendaki untuk sertakan bersama:
 - A) Salinan visual
 - B) Salinan sijil DBP(Dewan Bahasa dan Pustaka) atau Pengesahan Ahli Panel Munshi Jawi.
 - C) Pengesahan KPDKK (bagi permohonan yang melibatkan jualan murah, lelong dan diskaun)
 - D) Salinan kelulusan aktiviti(sekiranya berkaitan)
5. Tempoh pemasangan tidak melebihi satu 1(Bulan).
6. Saiz dibenarkan adalah 2' x 6' sahaja.
7. Tidak dibenarkan memasang bunting pada:
 - A) Tiang-tiang lampu antik di Jalan Mahkota.
 - B) Pokok-pokok.
 - C) Di tiang pertama di lampu isyarat.
 - D) Lampu isyarat dan papan-papan tanda jalan JKR.
 - E) Jejambat, Jejantas dan, Jambatan.
 - F) Kotak suis pada tiang atau lampu isyarat
8. Tidak dibenarkan memasang bunting di lokasi jalan protokol:
 - A) Jalan Protokol dari lampu isyarat Persimpangan Jambatan Tanjung Lumpur Hingga ke Teluk Chempedak.
 - B) Jalan Tengku Muhammad.
 - C) Jalan Semambu
 - D) Jalan Istana Abdul Aziz-Jalan Sultan Abdullah
 - E) Jalan KotaSAS-sehingga susur Jalan Pintasan Bukit Goh
 - F) Jalan Sungai Lembing dan Bukit Ubi
9. Ketinggian bunting yang dipasang hendaklah sekurang-kurangnya empat (4) kaki antara bahagian bawah bunting dengan tanah kecuali yang mempunyai 'light box' hendaklah dipasang rapat dengan *box* tersebut.
10. Perlu menyelenggara bunting yang dipasang dengan baik sepanjang tempoh pemasangan. Mana-mana bunting yang koyak, jatuh, dan sebagainya perlu dibaiki.
11. Stiker kelulusan hendaklah dipasang disebelah kiri bahagian bawah bunting.
12. Pihak pemegang permit hendaklah mengalihkan semua bunting dalam tempoh 3 hari selepas tamat tempoh permit.

13. Pihak syarikat tidak dibenarkan menanggalkan bunting yang telah sedia ada digantung atau menggantung secara berlapis dengan bunting sedia ada.
14. Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau yang telah ditinggal atau dicabut oleh Majlis.
15. Pihak Majlis boleh melucut hak deposit sekiranya pihak pemegang permit gagal mengalihkan semua bunting yang telah tamat tempoh, atau melanggar mana-mana syarat seperti yang telah ditetapkan oleh Pihak Majlis sepanjang tempoh pemasangan.
16. Permohonan pemulangan wang deposit bunting hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat permit. Sekiranya gagal berbuat demikian, wang deposit berkenaan akan dilupuskan.
17. Permohonan pemulangan wang deposit bunting boleh dibuat dengan melengkapkan Borang 14 (Permohonan Bayaran Balik Wang Deposit) dan pemohon dikehendaki disertakan bersama:
 - A) Resit asal bayaran wang pertaruhan(deposit)
 - B) Salinan kad pengenalan (I/C) pemohon (nama pemohon hendaklah sama seperti pada resit bayaran.
 - C) Salinan buku akaun bank/penyata yang menunjukkan nombor akaun pemohon.
18. Mematuhi syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.



IKLAN INI DICETAK OLEH:
 SYARIKAT ABC NO TEL. 01234567898

Banting



IKLAN INI DICETAK OLEH: SYARIKAT ABC NO TEL. 01234567898

Sepanduk